

# Pasar malam punca sesak

PPP Puncak Alam mohon PBT cari jalan penyelesaian terbaik

## REAKSI

**Kalau nak banding waktu dulu, memang jalan ni tak sibuk dan tak ada masalah kesesakan lalu lintas pun tapi sekarang dengan jumlah penduduk meningkat, isu kesesakan menjadi rungutan utama lebih-lebih di kawasan pasar malam.”** - Penduduk Alam Suria, Mohd Yatim Ab Rahman, 62.



**Saya mohon kerjasama penduduk supaya dapat meletakkan kenderaan di kawasan yang lebih sesuai dan bukannya tepi jalan bagi membantu menyelesaikan isu kesesakan pasar malam yang berlarutan lebih lima tahun.”** - Penduduk Fasa 3, Limok, 38.



**HEBAHKAN**  
AKTIVITI KOMUNITI ANDA  
mohd.haniffah@sinarharian.com.my

PUNCAK ALAM – Permuafakatan Persatuan Penduduk (PPP) Puncak Alam memohon kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT) mencari penyelesaian terbaik bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan pasar malam.

Lebih menyulitkan keadaan, kenderaan diletakkan di bahu dan tengah jalan itu bukan sahaja menyebabkan kesesakan teruk bahkan kedudukan gerai terlalu rapat di tepi simpang empat.

Pengerusi PPP Puncak Alam, Mohd Hanif MD Sultan menjelaskan, masalah kesesakan lalu lintas setiap Rabu itu sering dibangkitkan penduduk setempat yang berang dengan sikap segelintir individu yang parkir sesuka hati.

Menurutnya, isu kesesakan teruk sejak awal tahun lalu dan penduduk yang pulang kerja bengang apabila tersangkut lebih 30 minit di hadapan tapak pasar malam terbabit.

“Penduduk selalu bangkitkan perkara ini dan mohon PBT mempertimbangkan beberapa cadangan bagi kesejahteraan semua pihak termasuk menganjatkan tapak sejauh 50 meter dari simpang empat itu.

“PBT perlu meletakkan kon dan tali halangan di sepanjang 200 meter tepi jalan kiri dan kanan bagi mengelakkan orang ramai meletakkan kenderaan di bahu jalan kerana ada kawasan parkir di dalam Dataran Alam Suria,” katanya.

Mohd Hanif yang juga Pengerusi Persatuan Penduduk Sinar Alam itu turut memohon PBT supaya dapat memastikan tiada peniaga atau penjual menjual barangan di tepi jalan di persimpangan itu.

“Pada masa sama, PBT perlu menempatkan pegawai penguatkuasaan di pasar malam terbabit, bukan hanya untuk pemeriksaan lesen berkala tetapi membantu kawalan trafik.

“Sebelum ini, persatuan penduduk mengambil pendekatan sukarela menjaga laluan trafik di kawasan ini. Tapi, kita tiada kuasa untuk halang penduduk tidak meletakkan kenderaan di tepi jalan.

“Kalau ada PBT, mereka ada kuasa dan penduduk pun berfikir dua kali nak letak kenderaan tepi jalan. Lagipun dalam kawasan Dataran Alam Suria ada kawasan parkir yang lebih selamat,” katanya.

### Puji pendekatan MDKS

Mohd Hanif berkata, pihaknya memuji tindakan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) yang memasang kon halangan di sepanjang



Mohd Hanif (tiga, kiri) bersama penguatkuasa MDKS dan Jawatankuasa PPP Puncak Alam meninjau tapak pasar malam.

**INFO** Mesyuarat Penyelarasan Pelesenan Premis Perniagaan yang diadakan pada 26 Januari lalu bersetuju tapak Pasar Malam Puncak Alam dianjatkan sebanyak 300 meter daripada lokasi asal

laluan bersebelahan tapak pasar malam sejak Rabu lalu.

“Usaha ini dilihat dapat beri impak positif kepada penduduk dan alhamdulillah trafik bergerak lancar meskipun keadaan hujan sedangkan kalau sebelum ini, memang akan sesak teruk.

“Bagi penyelesaian jangka pendek, kami beranggapan pendekatan itu dapat membantu. Tapi kalau boleh, kon halangan dan penguatkuasaan dapat diletakkan di kawasan itu setiap Rabu.

“Mungkin MDKS boleh meneliti kawasan tapak pasar malam yang baru memandangkan persimpangan jalan itu dilihat sudah tidak sesuai dijadikan tapak pasar malam.

“Ramai yang mencadangkan supaya tapak dianjatkan ke dalam sejauh 50 meter dan ada yang mohon dipindahkan ke Puncak Alam Jaya namun bagi saya, MDKS ada penyelesaian terbaik untuk isu ini,” katanya.

### Anjak tapak 300 meter

Pihak MDKS mengambil maklum aduan penduduk mengenai kesesakan di Persiaran Puncak Alam 6 semasa Pasar Malam Puncak Alam yang beroperasi setiap hari Rabu dan Sabtu.

Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan, Mohamad Yusli Askandar berkata, Mesyuarat Penyelarasan Pelesenan Premis Perniagaan yang diadakan pada 26

Januari lalu bersetuju tapak Pasar Malam Puncak Alam dianjatkan sebanyak 300 meter daripada lokasi asal.

“Proses pemindahan tersebut ambil masa sebulan untuk MDKS melaksanakan pengcatan semula petak, penyelarasan semula peniaga di tempat baru dan notis pemberitahuan.

“MDKS turut mendapat permohonan penduduk sekitar untuk memindahkan pasar ini di beberapa lokasi baru. Namun kesesuaian tapak baharu yang dicadangkan sedang dikaji secara teliti untuk mengelakkan masalah sama berulang,” katanya.

Tambahnya, penguatkuasa MDKS turut ditugaskan semasa Pasar Malam Puncak Alam beroperasi untuk pantau dan nantu melancarkan pergerakan kenderaan yang melalui jalan utama berhampiran pasar terbabit.



Halangan kon yang dipasang di tepi bahu jalan bagi mengelakkan kenderaan diletakkan sesuka hati.